TENAGA NASIONAL BHD

lwn.

SM PEMBINAAN SDN BHD;
MALAYSIAN BRITISH ASSURANCE BHD (PIHAK KETIGA)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL HAMID SAID H
[GUAMAN NO: S2-22-32-92]
14 JULAI 2000

HAD MASA: *Pengakuan hutang - Defendan memohon butiran kerosakan dan kos baikpulih dari plaintif - Samada defendan mengakui keberhutangannya - Samada berlakunya penipuan oleh defendan - Akta Had Masa 1953, ss. 26(2), 29(b)*

Pihak plaintif dan defendan bersetuju bahawa kerosakan kepada kabel plaintif telah berlaku pada 17 Ogos 1985. Akan tetapi plaintif hanya memfailkan tuntutannya pada 17 Januari 1992. Isu yang berbangkit adalah samada tindakan plaintif digalang oleh isu had masa selaras dengan s. 6 Akta Had Masa 1953. Plaintif mengatakan bahawa s. 26(2) dan/atau s. 29(b) Akta Had Masa adalah terpakai dalam kes ini. Ini didasarkan kepada fakta bahawa defendan pernah pada 29 Julai 1986 menulis surat kepada plaintif memohon butiran kerosakan dan kos perbelanjaan membaikpulih.

Diputuskan:

[1] Tidak ada penipuan oleh defendan untuk membolehkan had masa terhenti. Plaintif telah gagal tekun atau rajin dalam menuntut hak mereka dalam kes ini. Dari itu, tindakan plaintif telah digalang oleh had masa.

[2] Tiada pengakuan dibuat oleh defendan mengenai keberhutangannya. Mendiamkan diri tidak boleh dikira sebagai pengakuan.

[Tuntutan plaintif ditolak.]

Kes yang dirujuk:
Good v. Pasry [1963] 2 All ER 59 ***(dirujuk)***
OCBC Ltd v. Philip Wee [1981] 2 MLJ 83 ***(dirujuk)***
Peco Arts Inc. v. Hazlitt Gallery Ltd [1983] 3 All ER 193 ***(dirujuk)***
Wee Tiang Teng v. Ong Chong Hooi & Anor [1978] 2 MLJ 54 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Limitation Act 1953, ss. 6, 26(2), 29(b)

Sumber lain yang dirujuk:
Black's Law Dictionary, 7th edn
Law of Limitation, Choong Yeow Choy
The Limitation Act, 1963, 1998, BB Mitra

Bagi pihak plaintif - PH Goh; T/n Bakar & Partners
Bagi pihak defendan - CK Tan (bersamanya Raswanda); T/n CK Tan
Bagi pihak ketiga - T/n Anad & Noraini

Dilaporkan oleh Izzaty Izzuddin

PENGHAKIMAN

Abdul Hamid Said H:

Di dalam kes ini, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa cuma isu had masa diputuskan di mahkamah.

Plaintif di dalam kes ini telah menuntut gantirugi berjumlah RM145,936 dari defendan. Pihak ketiga ialah syarikat insuran yang memberi insuran kepada defendan. Pihak plaintif dan defendan bersetuju bahawa kerosakan kepada kabel plaintif di Jalan Melati 2, Daerah Gombak, Wilayah Persekutuan telah berlaku pada 17 August 1985. Dan plaintif telah memfailkan tuntutannya pada 17 Januari 1992. Dengan ini adalah nyata bahawa had masa enam tahun telah berlalu. Seksyen 6, Limitation Act 1953 (Revised 1981) (2A) L.A. (1953) menyebut:

Section 6 LA (1953)

> Save hereinafter after provided the following actions shall not be brought after the expiration of six years from the date on which the cause of action accrued, that is to say:
>
> (a) Actions founded on a contract or on tort;
>
> (b) ...
>
> (c) ...
>
> (d) ...

Adalah jelas bahawa plaintif telah terperangkap dengan s. 6 LA (1953). Oleh yang demikian, plaintif telah berusaha menggunakan s. 26(2) LA dan/atau s. 29(b) LA (1953).

Bagi memudahkannya, saya menurunkan di sini, bahagian-bahagian relevan dalam kedua-dua seksyen berkenaan:

Section 26(2) LA (1953):

> Where any right of action has accrued to recover any debt or other liquidated pecuniary claim, ..., and the person liable or accountable therefore acknowledges the claim ..., the right shall be deemed to have accrued on and not before the date of the acknowledgment or the last payment.

Sementara s. 29 LA (1953):

> Where, in the case of any action for which a period of limitation is prescribed by this Act, either:
>
> (a) ...
>
> (b) the right of action is concealed by the fraud of any such person as aforesaid; or
>
> (c) ...
>
> the period of limitation shall not begin to run until the plaintiff has discovered the fraud or the mistake, as the case may be, or could with reasonable diligence have discovered it:

Di dalam kes ini, saya berpendapat adalah lebih senang memutuskan s. 29 LA memandangkan ianya lebih mudah kerana faktanya jelas.

Defendan adalah syarikat pembinaan yang telah mendapat sub-kontrak dari prinsipal Syarikat Pembangunan Tenaga Murni Sdn. Bhd. "to construct and complete the water reticulation main, suction pump, pp house and elevated R.C. water tank for a housing scheme at Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan."

Defendan melalui ejen dan/atau pekerjanya atau "sub-contractor" telah merosakkan kable plaintif. Kerosakan kabel ini disedari pihak plaintif. IDP m.s. 14 ialah lapuran polis penolong pengurus plaintiff. Ia ketahui kerosakan kabel plaintif pada 22 Januari 1986. Malahan pada 21 Februari 1986 (IDP m.s. 18), plaintif membayar kerja-kerja membaik pulih kabel yang rosak.

Berlatar belakangkan fakta di atas, bolehkah berlakunya penipuan oleh defendan untuk membolehkan had masa terhenti. Di dalam kes *Dwarka Prasad v. Shyama Charan* A.I.R. 57, Hakim Panday memutuskan:

> ... It (fraud – tambahan saya) has no application when the other party merely remains silent and does not do any act which is designed to prevent knowledge of the cause of action.

BB Mitra di dalam buku *"The Limitation Act, 1963, 1998"* berkata:

> Fraud affects limitation only when it prevented a person from knowing of his right or the title on which his claim was found. Fraud contemplated under this section is the actual and active fraud in the means adopted to keep the person injured out the knowledge of his right ...

Selanjutnya penulis tersebut berkata di ms. 307, perenggan 7 bawah tajuk "*Discovered the fraud or the mistake or could with reasonable diligence have discovered it"*:

> Under s. 17(1) the period of limitation shall not run against the Plaintiff or the applicant until the Plaintiff or the applicant discovered fraud or could with reasonable diligence have discovered the fraud or mistake. It follows that if the Plaintiff or the applicant is aware of his right to seek relief he cannot claim the benefit of this section ... what the section concerns itself with is the knowledge of the right and not the exercise of it ...

"Reasonable diligence" bermakna membuat sesuatu dengan tekun atau rajin oleh orang biasa (lihat *Peco Arts Inc. v. Hazlitt Gallery Ltd* [1983] 3 All ER 193). Plaintif telah gagal tekun atau rajin dalam menuntut hak mereka dalam kes ini.

Isu kedua ialah s. 26 LA (1953) sama ada jumlah tuntutan merupakan suatu hutang (debt). Di dalam *Black's Law Dictionary*, 7th edn, hutang (debt) diberi definisi:

> Liability on a claim; a specific sum of money due by agreement or otherwise.

Sementara Choong Yeow Choy di dalam bukunya *Law of Limitation*, memetik kata-kata Lord Denning di dalam kes *Good v. Pasry* [1963] 2 All ER 59:

> Nowadays, as a result of this new Act, there is no necessity to look for a promise, express or implied. Their need be only an acknowlegment of a debt or other liquidated amount.

YAA Suffian, Ketua Hakim Negara pada masa itu dalam kes *Wee Tiang Teng v. Ong Chong Hooi & Anor* [1978] 2 MLJ 54 memutuskan:

> ... By it the defendants acknowledge that a claim has been made against them, they did not acknowledge that they were indebted to the Plaintiff, and even if it was an acknowledgement the debt acknowledged was not quantified in figures ...

Ada beberapa surat yang telah ditulis plaintif di ms. 8 ikatan dokumen plaintiff (bertarikh 19 Ogos 1985) di alamatkan kepada lain daripada defendan begitu juga di ms. 26, ikatan yang sama.

Pada hemat saya, YAA Suffian, Ketua Hakim Negara, di dalam kes di atas memutuskan pengakuan tidak mencukupi, pengakuan itu mestilah pengakuan tuntutan jumlah tertentu. (Lihat juga *Wee Tiang Teng v. Ong Chong Hooi & Anor* [1978] 2 MLJ 54 dan kes *OCBC Ltd v. Philip Wee* [1981] 2 MLJ 83.

Melalui surat bertarikh 23 Julai 1986, pihak insuran telah meminta defendan mendapatkan butiran tuntutan Plaintif. Defendan pada 29 Julai 1986 telah menulis surat kepada plaintif meminta "... butir-butiran kerosakan dan kos perbelanjaan breakdown details" untuk kerja-kerja memperbaikinya untuk menguatkan tuntutan. Plaintif telah menjawab surat ini pada 12 September 1986 memberi butiran kerosakan dan kos memperbaiki berjumlah RM145,396.

Pada 15 September 1986 jawapan plaintif bertarikh 12 September 1986 telah dihantar oleh defendan kepada pihak ketiga. "Adjusters" bagi pihak ketiga telah meminta defendan mengesahkan beberapa perkara kerana ianya berbeza dengan tuntutan plaintif. Oleh kerana perbezaan ini pihak ketiga telah meminta defendan mendapatkan penjelasan dari plaintif pada 17 November 1986. Pada 17 Januari 1987, defendan telah memohon dari plaintif jawapan kepada surat mereka. Jawapan surat defendan telah diberi oleh plaintif pada 16 April 1987 tetapi tidak dengan tepat atau boleh merupakan suatu jumlah tertentu kerana masih lagi dipersoalkan oleh pihak-pihak terlibat.

Di sini telah berlaku perselisihan tentang polisi insuran di antara defendan dan pihak ketiga. Pada 26 Februari 1990 plaintif telah membuat tuntutan kepada defendan. Tuntutan ini diulangi pada 8 November 1990, dan diulangi dalam tahun 1991. Lepas itu semuanya senyap.

Dari fakta di atas saya memutuskan tiada pengakuan dibuat oleh defendan. Mendiam diri dalam kes seperti di atas tidak boleh dikira sebagai pengakuan.

Yang demikian saya membuang tuntutan plaintif dengan kos.

Tuntutan defendan terhadap pihak ketiga dibuang tanpa kos.